

22 MAR 1998

Mahathir-Asem

DR MAHATHIR KURANG OPTIMIS TENTANG HASIL ASEM

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau kurang optimis sama ada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di London bulan depan akan menghasilkan keputusan positif berhubung situasi ekonomi di Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun beliau akan menggunakan peluang itu untuk sekali lagi menjelaskan keadaan yang sebenar mengenai situasi itu walaupun Eropah mungkin mempunyai pandangan berbeza mengenai kebebasan perdagangan.

Ketika ditanya sama ada mesyuarat itu akan menghasilkan keputusan yang positif, Dr Mahathir, yang ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya daripada lawatan tiga hari ke Jerman, berkata: "Saya harap...mungkin, tetapi saya tidak begitu optimistik."

Beliau akan menghadiri sidang kemuncak itu yang dijadualkan berlangsung dari 2 hingga 4 April ini. Ia akan dihadiri 15 negara anggota Kesatuan Eropah, China, Jepun, Korea Selatan dan kesemua negara anggota Asean kecuali Myanmar.

Ketika ditanya mengenai masalah orang hanyut akibat kemelut ekonomi yang melanda Asia Tenggara, Dr Mahathir berkata banyak pihak menyalahkan kerajaan di rantau ini berhubung perkembangan itu.

"Di mana-mana juga saya jelaskan mengenai masalah ini, jawapannya ialah kita harus mengembalikan keyakinan pelabur, kita harus ada kerajaan yang lebih berdisiplin, lebih telus," katanya.

Dr Mahathir berkata Asem akan berbincang mengenai kriteria keanggotaan negara baru ke dalam Asem.

Ketika berada di Jerman, Dr Mahathir mengetuai misi ke Hannover untuk menarik pelaburan syarikat-syarikat multimedia dan teknologi maklumat negara itu di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata para pelabur Jerman memberikan sambutan baik dan mereka ingin mengetahui sama ada keadaan di Malaysia sesuai untuk pelaburan.

Dr Mahathir, yang sebelum ini pernah mempromosikan MSC di beberapa negara termasuk Britain, Amerika Syarikat dan Jepun, berkata beliau akan berbuat demikian di "dua atau tiga" tempat lagi.

MSC, yang dianggap tapak ujian komprehensif bagi membangunkan dan menguji teknologi baru multimedia, meliputi kawasan seluas 15 km kali 50 km di selatan Kuala Lumpur dengan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia. -- BERNAMA

MAM ES NAK